

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### KTMB DAN ERL JAYAKAN PROGRAM VAKSINASI SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (REL)

Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan diteruskan dengan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) terbaru di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur hari ini.

Saya telah membuat lawatan ke PPVIN bagi sektor pengangkutan darat ini yang dikelolakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ruang fasiliti PPVIN di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral pula disediakan oleh Express Rail Link Sdn Bhd (ERL).

Program ini telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 19 Julai 2021 dan ianya merupakan inisiatif bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Seramai 1,451 orang kakitangan KTMB termasuk anak syarikatnya, iaitu *Multimodal Freight Sdn Bhd* dan *KTM Distribution* serta 390 orang kakitangan ERL dan *ERL Maintenance Support Sdn Bhd* akan menerima suntikan vaksin di PPVIN Stesen KL Sentral mulai hari ini, 26 Julai 2021. Mereka merupakan kakitangan barisan hadapan daripada pelbagai bidang kerja yang belum menerima suntikan vaksin dos pertama. Kakitangan KTMB yang akan menerima vaksin di PPVIN KL Sentral merupakan kakitangan dari Tanjung Malim hingga ke Gemas. Kakitangan KTMB yang berada di luar PPVIN ini akan dibawa dengan tren khas untuk ke KL Sentral.



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KTMB dan ERL turut menyediakan sejumlah 40 kakitangan untuk bertugas sebagai sukarelawan di PPVIN berkenaan bagi membantu kerja-kerja kawalan pergerakan penerima vaksin, logistik dan pendaftaran. KTMB juga merancang mewujudkan beberapa lokasi PPVIN strategik yang akan dimaklumkan kelak khusus untuk kakitangan mereka di Wilayah Utara, Selatan dan Pantai Timur.

Pembukaan PPVIN ini merupakan antara inisiatif Kerajaan dalam memperluas program pemberian vaksin kepada sektor pengangkutan yang juga merupakan salah satu perkhidmatan perlu (*essential services*) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan Program Pemulihan Negara. Ia bagi memastikan pergerakan penumpang serta barang tidak terjejas dan kelangsungan hidup rakyat dapat diteruskan.

Setakat 25 Julai 2021, terdapat empat (4) PPVIN bagi sektor pengangkutan yang telah beroperasi sebagai menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). PPVIN pertama di Pelabuhan Klang yang meliputi sektor maritim dan PPVIN kedua di KLIA yang meliputi sektor udara telah memanfaatkan seramai 32,243 orang penerima vaksin keseluruhannya. Dua (2) lagi PPVIN iaitu di Stesen LRT Putra Heights dan Kompleks Bas Cheras Selatan telah dilancarkan minggu lepas masing-masing pada 19 dan 21 Julai 2021 bagi sektor pengangkutan awam darat melibatkan 5,512 orang kakitangan perkhidmatan rel dan bas.

MOT telah mengemukakan senarai yang mengandungi sebanyak 129,267 nama daripada kategori pemandu teksi/e-hailing dan 73,394 penunggang p-hailing bagi tujuan keutamaan vaksinasi. Berdasarkan kepada data yang diterima setakat 24 Julai 2021, sebanyak 67% pemandu teksi/e-hailing telah menerima vaksin/temujanji mereka, manakala penunggang p-hailing sebanyak 56.4%.



Pada masa yang sama, MOT juga sedang dalam usaha mendapatkan kelulusan bagi pelaksanaan PPVIN Sektor Pengangkutan baharu secara bersasar di negeri Johor, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Perak dan Selangor serta permohonan tambahan di Pelabuhan Klang yang menjurus kepada pelaut, pekerja pelabuhan dan pekerja sektor logistik di kawasan sekitar. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan lebih daripada 54 ribu pekerja sektor pengangkutan.

MOT komited dan akan terus bekerjasama dengan CITF untuk menjayakan PICK terutama dalam memastikan petugas industri pengangkutan menerima vaksin secepat mungkin demi kepentingan rakyat serta negara secara keseluruhannya.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
26 JULAI 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel        1800-88-7723  
Fax      +603 8892 0208  
E-mail    [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

**Tentang KTMB:**

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ialah operator rel negara dan mempunyai jaringan laluan kereta api sepanjang 1,641 km meliputi utara, selatan dan pantai timur semenanjung dengan 104 stesen dan 73 perhentian. Ia menyediakan perkhidmatan penumpang (ETS, KTM Intercity, KTM Komuter dan Skypark Link) dan barang (KTM Kargo).

**Tentang ERL:**

Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) ialah operator perkhidmatan tren KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA & KLIA2). ERL mengamalkan proses pembersihan, sanitasi dan disinfeksi yang ketat menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.